

# 19 rugi RM41,800 kena tipu

**Temerloh:** Hanya bayar RM2,200 untuk mengerjakan umrah, manakala bakinya akan ditaja seorang individu bergelar 'Datuk'.

Itu taktik digunakan sebuah syarikat pelancongan yang menawarkan pakej umrah bagi menipu 19 individu di sini sehingga mangsa kerugian RM41,800.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata semua mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Temerloh, kelmarin yang mendakwa diperdaya syarikat berkenaan.

"Berdasarkan laporan polis dibuat seorang wanita berusia 62 tahun, dia mendakwa ditawarkan menunaikan umrah oleh seorang wanita yang mendakwa wakil dari syarikat berkenaan pada November tahun lalu.

"Mangsa wanita itu mendak-

wa sebahagian perbelanjaan umrah itu akan ditanggung oleh penaja yang bergelar 'Datuk' berjumlah RM5,000 dan peserta hanya akan bayar RM2,200 seorang," katanya dalam satu kenyataan media, di sini semalam.

## Penerbangan dibatal

Mohd Wazir berkata, mangsa kemudiannya memindahkan wang bayaran umrah berjumlah RM2,200 ke dalam akaun sebuah syarikat yang diberikan oleh suspek pada 27 November tahun lalu.

"Seorang ejen syarikat berkenaan kemudian memaklumkan mangsa akan berlepas menunaikan umrah pada 1 Disember tahun lalu, namun pada tarikh yang diberikan, penerbangan dibatalkan dan digantikan dengan tarikh yang baharu iaitu pada 20 Disember.

"Namun, pada 19 Disember, ejen itu memberitahu peserta



**Mangsa mendakwa sebahagian perbelanjaan umrah itu akan ditanggung oleh penaja yang bergelar Datuk"**

**Mohd Wazir Mohd Yusof,**  
Ketua Jabatan Siasatan  
Jenayah Komersial Pahang

yang ingin menarik diri daripada menunaikan umrah boleh berbuat demikian dan wang akan dikembalikan dalam masa tiga minggu," katanya.

Beliau berkata, mangsa yang berasa ditipu kemudian ingin menarik diri tetapi sehingga kini masih belum menerima pembayaran daripada syarikat berkenaan.

"Mangsa juga ada mendapat maklumat dalam kumpulan WhatsApp yang menyatakan wang berkenaan akan dipulangkan pada 14 Mac lalu tetapi sehingga hari ini wang berkenaan masih belum diterima.

"Mangsa kemudian membuat laporan polis semalam (kelmarin) dan siasatan dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan," katanya.